

KURSUS MOTIVASI DAN KESEDARAN SIVIK
UNTUK WANITA DAN IBU-IBU

ANJURAN

BIRO HAL EHWAL WANITA PEMADAM
NEGERI PULAU PINANG

PERANAN WANITA DALAM
PENDIDIKAN PENCEGAHAN

Oleh

Cik Siti Zubaidah A. Hamid
Unit Kaunseling
Universiti Sains Malaysia
minden
11800 Pulau Pinang
Malaysia

8HB JUN 1991
AUDITORIUM F, TINGKAT 5
KOMTAR, PULAU PINANG

PERANAN WANITA DALAM	PERANAN WANITA DALAM
PENDIDIKAN PENCEGAHAN	PENDIDIKAN PENCEGAHAN
CTK SITI ZUBAIDAH A. HAMID	CTK SITI ZUBAIDAH A. HAMID

Persanan Wanita Dalam Pendidikan Pencegahan

Masalah dadah bukanlah merupakan satu perkara baru di negara kita ini. Bahkan ianya telah wujud sejak abad ke 19 lagi. Pada masa ini ianya telah menjadi satu masalah yang serius, dan penglibatan sebilangan besar muda mudi dengan dadah secara menyeluruh boleh membawa kesan-kesan yang buruk terhadap pembangunan negara. Pada masa ini pihak berkuasa telah menjalankan berbagai usaha mencegah merebaknya penyakit masyarakat yang merbahaya dan tidak diingini ini termasuklah mengadakan aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan.

Pada awal tahun-tahun 1890 hingga 1960 pendidikan pencegahan bolehlah dikatakan sebagai cara menakutkan-nakutkan (scare tactics) semata-mata. Pada tahun 1970'an pendidikan pencegahan merupakan satu proses pembelajaran yang membantu individu itu mengukuhkan kebolehan yang berkesan dalam membantu mereka yang terlibat. Tapi pada masa ini pendidikan pencegahan formal atau tidak formal bukan hanya merupakan penyampaian maklumat tentang dadah, tetapi ianya bertujuan memberi maklumat yang khusus kepada individu semada perseorangan, kumpulan, keluarga, masyarakat.

Kita harus sedar bahawa langkah-langkah tegas telah diambil oleh kerajaan untuk menghapuskan masalah dadah di Negara ini. Walaupun bagaimanapun perlu diingatkan bahawa usaha-usaha Kerajaan sebaik tidak memadai. Masyarakat juga perlu melibatkan diri dalam memastikan bahawa kegiatan-kegiatan dadah tidak akan bertapak dan berkembang dalam sesuatu masyarakat. Sebagai anggota

pembentukan nilai-nilai dan sikap. Ibu-ibu perlu memberikan didikan dan bimbingan yang berterusan sejak anak-anak masih kecil lagi. Oleh kerana rumah tangga mempunyai institusi sasaran pendidikan akhlak seseorang individu, maka ibubapa mempunyai peranan bagi memulakan usaha-usaha awal dalam pencegahan dedah. Oleh itu ibu di samping suami mempunyai tanggungjawab yang utama dalam mendidik anak-anak mereka supaya menjenahil dedah. Ibu perlu memberikan didikan dan bimbingan yang berterusan sejak anak-anak masih kecil lagi melalui beliaian kasih sayang, jalinan hubungan yang mesra serta bimbingan rohani yang berterusan dalam keluarga. Ibu-ibu harus juga sedar tentang bahaya dedah dan betapa mudahnya anak-anak muda boleh terjebak ke dalam perangkap dedah sekiranya lemah daya ketahanan dan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang kurang sihat.

Suasana dalam rumah tangga adalah satu yang penting. Pergeseran yang mencetuskan pertelingkahan boleh berlaku apabila tidak wujud persefahaman di antara ahli-ahli keluarga. Wanita sebagai ibu mempunyai tanggungjawab mengujudkan suasana aman di rumah supaya tidak akan berlakunya keadaan di mana ahli keluarga mencari keamanan di luar.

Ibu-ibu boleh menentukan suasana rumah tangga dengan mengadakan pelbagai peluang-peluang merancang, mengadakan dan melaksanakan aktiviti dan pengalaman keluarga bersama-sama. Bersama-sama melalui waktu tegang, melahirkan kemesraan dan ikatan kekeluargaan yang teguh. Keluarga yang mengamalkan mesyuarat dan muatiskat tidak akan dilanda masalah. Kalau ada pun sedikit-